



TETAMU...Antara yang hadir ketika majlis Pelancaran Hari EcoCampus FKSU 2017 di Blok Seni, FKSU, kelmarin.



TANAM...Simbolik penanaman tumbuhan herba Tuuwan-uwan (*Syzygium leucoxydon*) di halaman utama FKSU yang disempurnakan oleh Ismail, Low, How dan Sahana.

FKSU fakulti sastera pertama ceburi bidang tanaman herba

NST 26.10.17 4

KOTA KINABALU: Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSU) Universiti Malaysia Sabah (UMS) tampil sebagai fakulti jurusan sastera pertama yang menceburi bidang tanaman herba dan EcoCampus.

Pengarah Pusat Pengurusan EcoCampus UMS, Prof. Madya Dr. How Siew Eng berkata pelbagai institusi penyelidikan dalam kampus itu telah menjalankan kajian dan FKSU adalah fakulti sastera pertama yang tampil dengan idea untuk lebih mengetahui tentang tumbuhan herba.

"FKSU boleh dibanggakan sebagai fakulti sastera pertama yang tampil untuk mengetahui dan mengenali lebih lagi tentang kajian berkaitan tumbuhan herba yang kebiasaannya dijalankan oleh fakulti beraliran sains," katanya ketika hadir merasmikan Pelancaran Hari EcoCampus FKSU 2017 mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin di Blok Seni, FKSU kelmarin.

Hari EcoCampus FKSU itu diadakan bagi menyokong matlamat EcoCampus UMS yang telah dimulakan sejak 2013 dan bagi mengajak warga FKSU untuk menyokong serta menyertai agenda EcoCampus.

Program itu dilaksanakan dengan kerjasama Unit Penyelidikan Warisan Borneo dan Majlis Profesor Negara Chapter UMS.

"Aspirasi EcoCampus UMS yang menitikberatkan hubungan antara alam semula jadi, ekonomi dan sosial perlu dikongsi bersama oleh semua warga UMS," kata How Siew Eng.

Selain itu, How juga memberitahu usaha FKSU dalam menjalankan aktiviti kitar semula merupakan usaha murni yang mana menonjolkan karya seni yang mempunyai nilai komersial kepada masyarakat.

"Banyak hasil seni dari bahan kitar semula telah diolah dengan kreatif oleh para pelajar di FKSU dan hasil seni itu mempunyai nilai komersial yang boleh mendatangkan hasil keuntungan jika dipasarkan," katanya lagi.

Menurut beliau juga, istilah EcoCampus dalam UMS adalah ilham yang dijalankan dan diusahakan oleh pengkaji bagi melestarikan agenda lanskap semula jadi, penjimatan tenaga dan air, konsep kitar semula dan penggunaan kenderaan hijau.

"Low carbon city framework adalah antara yang diusahakan oleh pengkaji bagi melihat EcoCampus dan menilai aspek tersebut secara kuantitatif melalui bilangan pokok yang ada di dalam kampus," katanya.

Dalam pada itu, Felo Penyelidik Unit Penyelidikan Warisan Borneo dari Institut Bioteknologi Tropika dan Pemuliharaan, UMS, Julius Kulip berkata tumbuhan herba mempunyai banyak kepentingan kepada manusia.

"Tumbuhan herba bukan sahaja penting kepada sistem alam semulajadi malah bermanfaat kepada kesihatan manusia setelah khasiatnya diproses secara saintifik," katanya.

Jelas beliau lagi, penghasilan produk herba dari Sabah khususnya banyak memperoleh pengiktirafan dalam pertandingan inovasi di peringkat UMS dan antarabangsa.

Sebanyak enam unit tumbuhan herba ditanam di halaman utama FKSU dan tumbuhan herba yang dikenali sebagai Tuuwan-uwan (*Syzygium leucoxydon*) oleh masyarakat Kadazandusun itu adalah antara warisan penting masyarakat di Sabah.

Turut hadir ketika pelancaran tersebut ialah Dekan FKSU, Prof. Dr. Ismail Ibrahim, Ketua Unit Penyelidikan Warisan Borneo, Prof. Madya Dr. Low Kok On dan Timbalan Pengarah (Akademik & Penyelidikan) Institut Bioteknologi Tropika dan Pemuliharaan, UMS, Dr. Sahana Harun. -OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE